

# SIARAN MEDIA

## NRECC PELAWA KERJASAMA STRATEGIK KOREA SELATAN DALAM SEKTOR AIR MALAYSIA

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) mengalukan penyertaan pemain industri air dari Korea Selatan dalam sektor air Malaysia. Ia bertepatan dengan saranan supaya Malaysia juga wajar meneroka penggunaan teknologi dari rantau Asia bertepatan dengan Dasar Pandang ke Timur.

Ini memandangkan pasaran teknologi dari rantau Asia juga telah berkembang dan sedia menawarkan pelbagai produk yang boleh diaplikasi di Malaysia bagi mengurangkan kebergantungan kepada teknologi barat.

Dalam ucapan perasmian YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada persidangan Hari Infrastruktur Air Korea-Malaysia (*Korea-Malaysia Water Infrastructure Day*) hari ini, beliau menyeru supaya operator air Malaysia sentiasa dilengkapi dengan teknologi terkini dalam pengurusan air dan pembetungan negara terutamanya dalam program pengurangan air tidak berhasil (NRW).

Beliau turut menekankan bahawa agenda Transformasi Sektor Air 2040 atau *Water Sector Transformation 2040* juga memberi fokus kepada penggunaan teknologi seiring dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dalam mengoptimakan kekayaan sumber air negara bagi memastikan jaminan keselamatan air (water security) negara dan meningkatkan mutu perkhidmatan air dan pembetungan negara.

Turut hadir, Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan) NRECC, Tuan Yang Terutama Yeo Seung-bae, Duta Besar Korea Selatan ke Malaysia dan Tuan Kim Young-il, Naib Presiden Eksekutif K-water.

Program anjuran bersama NRECC, Kedutaan Republik Korea dan K-water diadakan sempena sambutan tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur (*Look East Policy*) antara Malaysia dan Korea Selatan. Lebih 60 operator air dan pemain industri air dari Malaysia serta lima (5) syarikat air dari Korea Selatan menyertai program ini.

K-water merupakan agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar Korea Selatan yang mempunyai pengalaman lebih 50 tahun dalam pengurusan air, tenaga boleh baharu dan bandar pintar. K-water telah membuka cawangan serantau di Kuala Lumpur bagi mempromosikan jaringan kerjasama antara Korea Selatan dan Malaysia dalam isu air.

Program yang julung kali diadakan ini, bertujuan mempromosikan teknologi pengurusan sumber dan bekalan air dari Korea Selatan dalam bidang perpaipan, pengesanan kebocoran paip, penggerak elektrik (*actuator*), rawatan air dan pengukuran air melalui meter pintar. Program ini juga menyediakan platform untuk industri air tempatan menjalinkan kerjasama perniagaan dengan syarikat-syarikat air dari Korea Selatan.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**20 JUN 2023**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia